

Headline	Penubuhan Frim Inc lulus		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	04 Sep 2017	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	160,000
Page No	7	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	101 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,723
Frequency	Daily	PR Value	RM 5,169



## Penubuhan Frim Inc lulus

KUALA LUMPUR - Kementerian Kewangan telah meluluskan penubuhan FRIM Inc bagi memajukan dan membangunkan hasil penyelidikan dalam sektor perhutanan.

Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Wan Junaidi Tuanku Jaafar berkata, dengan kelulusan yang diperoleh 4 Ogos lalu, Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (Frim) dapat menjana pendapatan sendiri melalui pengkomersilan produk penyelidikan dan pembangunan yang dijalankannya.

"Ini secara tidak langsung mengurangkan kebergantungan kepada dana kerajaan," katanya selepas menghadiri Perhimpunan Raya Korban Perdana kementerian itu di Masjid

Jamek Frim, semalam.

Pada 7 April tahun lalu, Dewan Rakyat meluluskan Rang Undang-Undang Frim 2016 yang antara lain membentarkan institut itu menubuhkan atau memajukan syarikat untuk memperkuatkannya menjadi satu badan pihak berkuasa bagi mengkomersil dan mengurus program atau projek berkaitan bidang penyelidikan hutan.

Sementara itu, Ketua Pengarah Frim, Datuk Dr Abd Latif Mahmood berkata, kira-kira 150 produk berpotensi akan dikomersilkan pada peringkat awal.

Beliau berkata, 15 produk terbaik disasarkan berada di pasaran tahun depan dengan jangkaan pendapatan antara RM150 juta dan RM200 juta selepas tiga tahun di pasaran. - Bernama